



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

POLISI

POLISI MAKLUMAT/KPKT/04

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Disahkan oleh:



DATUK MOHD ZAMRI BIN
MAT ZAIN

TARIKH: 6/4/2026

Diluluskan oleh:


DATUK WIRA DR. M NOOR AZMAN BIN
TAIB

TARIKH: 7/4/2026

	POLISI MAKLUMAT/KPKT/04	Keluaran	01
		Pindaan	04
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	Mukasurat	2 / 9
		Tarikh	07 APR 2026

1. PENDAHULUAN

1.1 Polisi ini adalah berpandukan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]. Polisi ini menjadi pelengkap kepada Sistem Aduan Bersepadu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ia merupakan suatu saluran alternatif untuk seluruh warga KPKT atau mana-mana pihak luar yang berurusan dengan KPKT untuk menyalurkan maklumat sekiranya sistem komunikasi biasa tidak sesuai digunakan apabila maklumat itu melibatkan pegawai, ketua bahagian atau mana-mana kakitangan yang bertugas di KPKT.

2. PEMAKAIAN


Polisi ini terpakai kepada:

- 2.1 semua warga KPKT serta Jabatan / Agensi dibawahnya; dan
- 2.2 pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga KPKT.

3. TUJUAN

Tujuan polisi ini diwujudkan adalah untuk:

- 3.1 Memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh tanggungjawab dan mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan.
- 3.2 Sebagai langkah memerangi salah laku serta ketidakpatuhan warga KPKT kepada undang-undang, kod etika, pekeliling dan peraturan-peraturan.

	POLISI MAKLUMAT/KPKT/04	Keluaran	01
		Pindaan	04
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	Mukasurat	3 / 9
		Tarikh	07 APR 2026

3.3 Sebagai jaminan kepada warga KPKT atau mana-mana individu bahawa kerahsiaan maklumat akan dijaga untuk mengelak daripada sebarang tindak balas akibat daripada pendedahan maklumat yang dibuat dengan niat suci hati (*good faith*).

4. TAKRIFAN

Bagi maksud polisi ini:

4.1 Agensi Penguatkuasaan

Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

4.2 Polisi


Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat KPKT.

4.3 Pemberi Maklumat

Mana-mana individu yang membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar atau seseorang yang membuat laporan kepada Pegawai Diberi Kuasa sama ada secara lisan atau bertulis.

4.4 Kelakuan Tidak Wajar

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tata tertib atau kesalahan jenayah.

	POLISI MAKLUMAT/KPKT/04	Keluaran	01
		Pindaan	04
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	Mukasurat	4 / 9
		Tarikh	07 APR 2026

4.5 Kesalahan Tatatertib

Apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam / swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika, atau pekeliling, atau kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

4.6 Maklumat Sulit

Maklumat sulit termasuklah:

- (a) maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat tempat kerja atau tempat beradanya seseorang pemberi makluma; dan
- (b) maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat.

4.7 Tindakan Yang Memudaratkan


Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan/kerosakan, ugutan, gangguan terhadap pekerjaan yang sah atau mata pencarian mana-mana individu.

4.8 Warga KPKT

Pegawai yang berkhidmat di KPKT serta jabatan / agensi dibawah KPKT sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

4.9 Mana-mana individu

Pelanggan, perunding, pembekal atau kontraktor.

	POLISI MAKLUMAT/KPKT/04	Keluaran	01
		Pindaan	04
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	Mukasurat	5 / 9
		Tarikh	07 APR 2026

4.10 Pegawai Diberi Kuasa


Ketua Unit Integriti KPKT, Ketua Penolong Setiausaha (Tatatertib), Pegawai Siasatan Unit Integriti KPKT dan Pembantu Tadbir (Aduan).

5. SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT ADUAN

5.1 Aduan mengenai Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) boleh dibuat oleh warga KPKT, pelanggan, perunding, pembekal, kontraktor, agensi dan lain-lain yang berkenaan kepada Pegawai Diberi Kuasa.

6. MAKLUMAT YANG BOLEH DIDEBAHKAN

- 6.1 Suatu pendedahan KTW boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan satu atau lebih salah laku yang dilakukan oleh warga KPKT, agensi-agensinya di bawah KPKT atau mana-mana pihak luar yang berurusan dengan KPKT;
- 6.2 Pendedahan KTW berkaitan kesalahan jenayah akan diuruskan berdasarkan polisi ini. Polisi ini juga mengalakkan pemberi maklumat untuk melaporkan sebarang maklumat berkaitan rasuah.
- 6.3 Pendedahan KTW berkaitan kesalahan tatatertib akan diuruskan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Aduan Integriti dan Siasatan KPKT;
- 6.4 Sekiranya pemberi maklumat tidak pasti sama ada sesuatu perbuatan yang terjadi atau dilakukan adalah satu kesalahan di bawah polisi ini, beliau digalakkan untuk mendapat nasihat atau panduan daripada **Pegawai Diberi Kuasa**.

	POLISI MAKLUMAT/KPKT/04	Keluaran	01
		Pindaan	04
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	Mukasurat	6 / 9
		Tarikh	07 APR 2026

7. PROSEDUR MEMBUAT ADUAN

7.1 Pada amnya, semua pendedahan mengikut polisi ini harus dibuat kepada **Pegawai Diberi Kuasa**;

7.2 Pendedahan awal hendaklah mengandungi mana-mana butiran berikut:

(a) sekiranya pemberi maklumat adalah kakitangan KPKT, maklumat yang diperlukan adalah nama beliau, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi; atau

(b) sekiranya pemberi maklumat adalah bukan kakitangan KPKT, maklumat yang diperlukan adalah nama beliau, nama majikan, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi;

7.3 Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW boleh menyalurkan aduan melalui kaedah berikut:

(a) Hadir ke pejabat Unit Integriti KPKT (Seksyen Tadbir Urus, Pematuhan dan Pengurusan Aduan) di Aras 12, Menara KPKT;

(b) Surat menyurat ke alamat:

Ketua Unit Integriti KPKT

(Seksyen Tadbir Urus, Pematuhan dan Pengurusan Aduan)

No.51, Aras 12, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya



POLISI MAKLUMAT/KPKT/04	Keluaran	01
	Pindaan	04
POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	Mukasurat	7 / 9
	Tarikh	07 APR 2026

(c) Hubungi talian telefon seperti berikut:

Ketua Unit Integriti : 03-8891 5202

Pegawai Integriti : 03-8891 5199

Pegawai Siasatan : 03-8891 5178

(d) Melalui e-mel aduanintegriti@kpkt.gov.my

7.4 Sekiranya pendedahan KTW dibuat melalui surat / emel, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana untuk dihubungi.

7.5 Surat / Surat Layang / Emel / Telefon yang **TIDAK** menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, nombor telefon, alamat pemberi maklumat untuk dihubungi adalah **TIDAK LAYAK** diberikan perlindungan di bawah Polisi ini. **Walau bagaimanapun, maklumat aduan adalah rahsia dan siasatan akan diteruskan berdasarkan maklumat yang disalurkan.**

8. BUTIR-BUTIR ADUAN


8.1 Pemberi maklumat mempunyai pengetahuan mengenai maklumat kerana ia mengalami sendiri kelakuan tidak wajar tersebut atau dicerita / diberitahu oleh orang lain yang pemberi maklumat yakin dan percaya kepadanya;

8.2 Maklumat yang hendak diadukan mestilah **lengkap, jelas dan mengandungi butir-butir seperti berikut:**

(a) bila kejadian berlaku (*when*);

(b) di mana KTW dilakukan (*where*);

(c) siapa yang terlibat (*who*);


	POLISI MAKLUMAT/KPKT/04	Keluaran	01
		Pindaan	04
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	Mukasurat	8 / 9
		Tarikh	07 APR 2026

- (d) apakah KTW yang dilakukan (*what*);
- (e) kenapa KTW dilakukan (*why*);
- (f) bagaimana KTW dilakukan (*how*);
- (g) asas kebimbangan; dan
- (h) dokumen yang terlibat serta lain-lain yang berkaitan.

8.3 Polisi ini tidak terpakai sekiranya pemberi maklumat sendiri mendedahkan maklumat yang diadukan kepada mana-mana individu.

9. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI DIBERI KUASA

- 9.1 Pegawai Diberi Kuasa hendaklah menerima pendedahan yang dibuat secara lisan ataupun bertulis yang diberikan oleh pemberi maklumat. Sejauh mana yang difikirkan praktik dan munasabah, pendedahan tersebut boleh dibuat di mana-mana lokasi yang difikirkan sesuai bagi memastikan identiti pemberi maklumat dilindungi. Sekiranya pendedahan dibuat secara lisan, ia perlu direkodkan secara bertulis.
- 9.2 Pegawai Diberi Kuasa akan memudah cara pendedahan KTW yang memerlukan tindakan segera dengan **merujuk pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Siasatan serta permohonan perlindungan akan diuruskan sepenuhnya oleh agensi penguatkuasaan.**
- 9.3 Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun.

	POLISI MAKLUMAT/KPKT/04	Keluaran	01
		Pindaan	04
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	Mukasurat	9 / 9
		Tarikh	07 APR 2026

10. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan polisi ini berkuat kuasa dari tarikh polisi ini dikeluarkan.

11. PENUTUP

Pelaksanaan polisi ini diharapkan dapat memberi pemahaman dan kesedaran kepada warga KPKT berhubung perlindungan yang diterima oleh pemberi maklumat dan membolehkan pemberi maklumat berani membuat aduan perkara-perkara yang tidak berintegriti bagi tujuan menjaga imej KPKT, perkhidmatan awam dan negara.